

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, February 8, 2017 10:09 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: Guru Bimbingan Dan Kaunseling Perlu Lengkapkan Diri Dengan Ilmu Pengetahuan Baharu



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



08 FEBRUARI 2017 / 11 JAMADILAWAL 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Harul Nizam Zahari

**GURU BIMBINGAN DAN KAUNSELING PERLU LENGKAPKAN DIRI DENGAN ILMU
PENGETAHUAN BAHARU**



UUM ONLINE: Guru Bimbingan dan Kaunseling di Malaysia perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang baharu dan pelbagai dalam memikul tanggungjawab melahirkan modal insan cemerlang dan bersahsiah tinggi terutama pada abad ke-21 yang penuh mencabar ini.

Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Dato' Seri DiRaja Mahdzir Khalid berkata modal insan yang dibangunkan dalam negara ini tidak seharusnya dilengkapkan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semata-mata namun hendaklah diperkukuhkan dengan akhlak terpuji serta kepelbagaian nilai murni.

"Dalam mendepani arus kemajuan dan cabaran abad ke-21, keperluan terhadap pembentukan akhlak mulia semakin mendesak akibat permasalahan sosial yang wujud seiring dengan perkembangan ekonomi dan kepesatan kemajuan dunia.

"Sejajar dengan itu, saya menyeru semua Guru Bimbingan dan Kaunseling yang menjadi tulang belakang dalam mendidik anak bangsa bermula di peringkat sekolah agar terus berazam untuk menambah ilmu pengetahuan sama ada di peringkat sarjana ataupun Ph.D dalam berhadapan dengan generasi kini dan melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek seperti yang dihasratkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan," katanya.

Menurutnya Kementerian Pendidikan Malaysia bermatlamat menghasilkan kumpulan murid terbaik bagi mendepani cabaran abad ke-21.

"Dalam usaha menggerakkan agenda pembangunan negara seiring dengan pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan, Guru Bimbingan dan Kaunseling diberi amanah berada di barisan hadapan untuk memberi penerangan tentang dasar dan hasrat negara kepada ibu bapa dan masyarakat.

"Oleh itu, saya sekali lagi menyeru semua Guru Bimbingan dan Kaunseling supaya terus berusaha memainkan peranan sebagai pembina ilmu, penyubur perpaduan, pembangun sahsiah malah sebagai jurutera sosial yang mampu menggerakkan proses transformasi bagi mencorakkan landskap sistem pendidikan negara," ujarinya ketika berucap merasmikan Majlis Penutup International Convention On Theory and Applied Counselling (ICTAC) 2017 di Dewan Muad'zam Shah, Universiti Utara Malaysia (UUM), petang tadi.

Sementara itu Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Madya Dr. Abdul Malek Haji Abdul Karim yang mewakili Naib Canselor berkata peluang kerjasama yang wujud di antara pihak UUM, khususnya SAPSP dengan Majlis Guru Kaunseling dilihat sebagai satu platform yang sangat signifikan dalam memartabatkan dan mempertingkatkan perkhidmatan kaunseling di samping memberi pendedahan dan pengalaman yang berbeza kepada pengamal-pengamal kaunseling melalui sesi perkongsian bersama ahli akademik dan tokoh-tokoh kaunselor yang ada di Malaysia.

"Diharapkan hasil daripada konvensyen ini bukan sahaja berjaya dalam mempromosi pencapaian pelajar, malah berupaya untuk menyokong dan membangun bakat dalam kalangan staf di samping dapat menyumbang untuk membina struktur organisasi yang lebih mantap. Kaunselor 'Pintar' akan menjana 'pelajar Pintar' dan 'masyarakat Pintar,' ujar beliau.

Konvensyen yang julung kali diadakan ini merupakan anjuran bersama Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) UUM, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Majlis Guru Kaunseling Negeri Kedah.

Kira-kira 1,096 guru bimbingan dan kaunseling sekolah, kaunselor dan pengamal kaunselor di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menyertai konvensyen tiga hari bermula 6 hingga 8 Februari.

Program yang berlangsung turut diselangi ucap utama, siri bengkel aplikasi kaunseling dan pembentangan kertas kerja yang disampaikan oleh sembilan tenaga pakar dan guru kaunseling dalam dan luar negara.

Objektif utama konvensyen ini adalah untuk meningkatkan kemahiran tolong menolong dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling di seluruh Malaysia di samping memberi pendedahan baharu mengenai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kaunseling sama ada dari segi teori mahupun aplikasi.

Hadir sama YB Dato' Tajul Urus Mat Zain, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Pengangkutan dan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO); YB Dato' Hj. Ahmad Zaini Japar, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Kayu Hitam; Tan Sri Dr. Khair Mohamad Yusof, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia; Ahli-ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti UUM, Tuan Haji Sofaruddin Haji Ismail, Timbalan Pengarah Pelajaran, Wakil Pengarah Pendidikan Negeri Kedah Darul Aman; Prof. Madya Dr. Noor Azniza Ishak, Dekan SAPSP dan pegawai-pegawai dari Kementerian Pendidikan Malaysia, UUM, Jabatan Pendidikan Negeri Kedah dan Majlis Guru Kaunseling Negeri Kedah.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

☎ 04-928 3048/3049/3052/3061

☎ 04-928 3053

✉ ukkuum@uum.edu.my

📘 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



AACSB
ACCREDITED



AMBA
ACCREDITED



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.